

**Shahidan dakwa ahli Parlimen PAS 'berniat jahat' terhadap Rosmah Malaysian Insider
Jun 18, 2014
Oleh Mohd Farhan Darwis**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata Ahli Parlimen Rantau Panjang daripada PAS, Siti Zailah Mohd Yusoff "berniat jahat" kerana bertanya adakah program Permata Negara bertujuan menaikkan nama isteri perdana menteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

"Yang terhormat pakaian nampak macam Islam tapi mulutnya..." kata Shahidan ketika menjawab pertanyaan Siti Zailah di Dewan Rakyat, Parlimen hari ini.

"Saya berdoa semoga Allah membuka hatimu agar jadi lebih mulia," kata Shahidan yang juga ahli Parlimen Arau.

Siti Zailah dalam soalnya kepada Shahidan membangkitkan kenapa kerajaan tidak mengukuh dan memperkasakan agensi seperti Kemas dan Tadika, sebaliknya memilih untuk membangunkan Permata yang dinaungi Rosmah.

"Adakah ini agenda untuk menaikkan nama isteri perdana menteri?" soal Siti Zailah ketika sesi tersebut.

Shahidan sebaliknya berkata, Rosmah membangunkan Permata tanpa sebarang balasan.

"Tidak. Permata tidak menaikkan nama Rosmah, Permata menaikkan nama negara.

"Program Permata cukup mulia, isteri perdana menteri tidak menerima gaji untuk mengabdikan diri kepada negara.

"Tidak baik kita buruk sangka kepada orang yang mengabdikan diri kepada negara," kata Shahidan.

Beliau turut menyeru PAS dan PKR untuk menggunakan kurikulum Permata dalam pendidikan kanak-kanak kerana kurikulum berkenaan diiktiraf di peringkat antarabangsa. – 18 Jun, 2014.

parlimen-pas-berniat-jahat-terhadap-rosmah